
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

HKT 222 – KESUSASTERAAN DAN DISIPLIN BANTU

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Daripada perspektif psikoanalisis, karya sastera dianggap sebagai alat sublimasi keinginan seks pengarang yang tertebat. Dengan merujuk kepada mana-mana pengarang dan karya kreatifnya, bincangkan pandangan ini dengan melihat bagaimana pengarang tersebut memanfaatkan disiplin psikoanalisis ke dalam karya kreatifnya.
2. Ego membolehkan seseorang itu mempraktikkan mana-mana daripada sepuluh mekanisme bela diri (*defense mechanism*) sebagai kaedah untuk menghindarkan diri daripada menjadi neurosis ataupun psikosis. Dengan merujuk kepada teks dalam filem *Labu-Labi*, bincangkan beberapa mekanisme bela diri yang wujud pada watak Labu dan Labi demi melepaskan diri daripada tekanan perasaan akibat tindak-tanduk Haji Bakhil.
3. "Art is art; and it cannot be expected to serve philosophic purpose" [Stephen D. Ross, 1969].
Hujahkan pandangan di atas dan dengan contoh-contoh yang sesuai, perlihatkan peranan dan pertalian kesusasteraan dengan falsafah.
4. Dengan mengemukakan contoh-contoh karya yang bersesuaian, bandingkan Falsafah *Perennial* melalui perspektif mana-mana dua daripada agama berikut: Islam, Hindu, Kristian, Buddhisme-Zen.

Bahagian B

5. Menurut Mukherjee, "Art is at once a social product and an established means of social control". Berdasarkan petikan tersebut, bincangkan sastera sebagai produk sosial dan sebagai alat kawalan sosial.
6. "Marxist approaches to literature occupy a wide field. Marxism is a theory of economics, history, society and revolution before it has anything much to do with literary theory. There has been no need for it to be bound to any one theory of art or any kind of criticism. Although there has been a kind of tradition in Marxist literary criticism, a degree of going back to sources in Marx and Engels's scattered writings on literature and a tendency among later critics to build on earlier ones, Marxism has also been harnessed to quite divergent critical approaches and literary theories".

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan kaitan teori Marx dengan kritikan sastera.

7. Apakah yang dimaksudkan dengan falsafah eksistensialisme? Bagaimanakah falsafah ini dapat digunakan untuk memahami novel *The Stranger* karya Albert Camus.